

Headline	RM30,000 hadiah Tilawah al-Quran 2015		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm ²
Journalist	Akmal A Manaf	AdValue	RM 10,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,317



RM30,000 hadiah Tilawah al-Quran 2015

» Pemenang
peringkat
kebangsaan
turut bakal
terima Preve

Oleh Akmal A Manaf

► Kuala Lumpur

Pemenang utama Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 tahun ini bermula Isnin depan bakal menerima hadiah wang tunai RM30,000, berbanding RM15,000 tahun lalu.

Penambahan turut membabitkan naib johan yang bakal membawa pulang RM20,000 berbanding RM10,000 tahun lalu, ketiga RM15,000 (RM7,500 tahun lalu) dan sagu hati RM4,500 daripada RM3,000 sebelum ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, ketika mengumumkannya semalam mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang bermurah hati menambah jumlah wang tunai dan Tabung Haji yang meneruskan tajaan masing-masing sebuah kereta PROTON Preve kepada johan qari dan qariah.

"Sehingga kini kita menerima 28 peserta masing-masing 14 qari dan qariah dari semua negeri," katanya pada sidang media.

TPM rasmi acara

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan merasmikan acara itu.

Othman berkata, peserta diwajibkan membaca al-Quran secara tarannum dengan dua lagu yang ditetapkan secara berturut-turut.

"Peserta hanya akan mengetahuinya ketika proses pengundian ayat. Melalui cara ini, peserta akan lebih mendalami ilmu tarannum," katanya.

Beliau berkata, sepanjang majlis, 80 gerai pameran dibuka di Karnival Semarak Syariah membabitkan program keilmuan dan

komuniti seperti pertandingan dan pertunjukan sesuai untuk semua kategori dan peringkat umur.

Johan peringkat kebangsaan akan mewakili negara dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dijadualkan pada 9 hingga 14 Jun depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

[FOTO BERNAMA]

Headline	RM30,000 hadiah Tilawah al-Quran 2015		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm ²
Journalist	Akmal A Manaf	AdValue	RM 10,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,317



*Othman **mempengerusikan Mesyuarat Pelaksanaan Majlis Tilawah al-Quran** Peringkat Kebangsaan Ke-58 di Dewan Mesyuarat Perdana Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, semalam.*